

## BANK ISLAM PERHEBAT MANFAAT KAD KREDIT-i

*Rai kesetiaan dengan pulangan tunai dan TruPoints*

**KUALA LUMPUR, Rabu, [26 Jun 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) dengan besar hati mengumumkan pelancaran Kad Kredit-i yang dipertingkatkan, mempamerkan pelbagai manfaat dan ganjaran baharu yang disesuaikan dengan gaya hidup pelanggannya. Inisiatif ini menggariskan komitmen Bank Islam untuk menyediakan produk kewangan inovatif dan mengutamakan pelanggan menerusi penawaran ganjaran terpilih yang memenuhi pelbagai keperluan dan pilihan perbelanjaan pelanggan.

Kad Kredit-i Bank Islam yang dipertingkatkan bukan sekadar kad; ia adalah satu alat kewangan. Dengan program dwiganjaran Bank Islam, pelanggan boleh mengumpul TruPoints dan pulangan tunai menerusi pembelian harian dan perbelanjaan perjalanan mereka, meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka.

Bagi meraikan penambahbaikan tersebut, Bank Islam turut memperkenalkan rekaan baharu Kad Kredit-i Platinum Bank Islam yang eksklusif dan canggih. Diilhamkan oleh pergerakan cecair logam, rekaan tersebut melambangkan kebolehsuaian terhadap persekitaran yang sentiasa berubah.

**Mulai 1 Ogos 2024, pelanggan Bank Islam Platinum Mastercard** boleh menikmati bonanza ganjaran bagi setiap leretan kad mereka. Pelanggan boleh memperoleh sehingga 2X TruPoints untuk transaksi tanpa sentuh dan pembelian petrol. Pengembara kerap juga boleh memperoleh 2X ganjaran TruPoints apabila mereka membuat perbelanjaan menggunakan kad ketika di luar negara.

Sementara itu, **pemegang kad Bank Islam Platinum Visa** boleh meningkatkan pengalaman beli-belah mereka, pada masa sama, berjimat secara mudah bagi setiap transaksi melalui pulangan tunai sehingga 5% yang menarik untuk pembelian dalam talian dan perbelanjaan menjamu selera. Bank Islam juga menawarkan pulangan tunai 1% untuk perbelanjaan di luar negara.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan Bank Islam – Perbankan Runcit, Mizan Masram, menjelaskan, "Kami sedang mentakrifkan semula tawaran kad kredit kami untuk mempromosikan pengurusan kewangan yang bertanggungjawab. Tawaran baharu kami ini direka untuk membantu pelanggan berjimat semasa berbelanja. Menerusi program dwiganjaran, **TruPoints untuk Mastercard** dan **pulangan tunai untuk Visa**, kami menyediakan lebih banyak pilihan dan nilai yang lebih bermakna kepada pemegang kad."

Mizan menambah, "Ciri-ciri baharu ini akan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2024 dan dijangka meningkatkan kehidupan kewangan harian pelanggan dengan ketara, menjadikan Kad Kredit-i Bank Islam sebagai satu alat pengurusan kewangan yang penting serta mampu memperkasakan pemegang kad untuk mengawal kewangan mereka dengan baik demi mencapai kestabilan kewangan jangka panjang."

Dipacu oleh inovasi, Kad Kredit-i Bank Islam berkedudukan untuk memenuhi selera unik pelanggan, berbeza daripada penawaran semasa bank ini di pasaran.

"Kami sedar bahawa semakin ramai pelanggan memilih pembayaran tanpa sentuh. Ganjaran kad baharu ini diperkenalkan untuk pelanggan baharu dan lebih 160,000 pelanggan sedia ada. Ia menerapkan ciri-ciri nilai tambah yang memenuhi keutamaan perbelanjaan mereka secara khusus, di samping penyediaan perlindungan takaful secara percuma sedia ada. Kad Kredit-i Bank Islam yang dipertingkatkan ini dijangka memberikan sumbangan ketara sehingga 20% dalam kadar pertumbuhan angka pelanggan baharu pada tahun ini," tambah Mizan.

Sempena meraikan pelancaran ini, Bank Islam menganjurkan program Pemindahan Baki Khas mulai sekarang hingga 31 Ogos 2024. Pemegang kad boleh memilih pemindahan baki dengan kadar keuntungan 0% dan pembayaran balik dalam tempoh 12 bulan akan datang. Ini adalah satu daripada tawaran terbaik yang ada di pasaran pada masa ini.

Sebagai alternatif, pemegang kad boleh memilih tempoh pembayaran balik yang lebih lama, iaitu sehingga 36 bulan, melalui inisiatif Pemindahan Baki dengan Hadiah yang menawarkan iPad Air 11" terkini pada kadar keuntungan yang berpatutan 5.88% setahun.

Pada masa yang sama, 300 pertama pemegang kad kredit Bank Islam baharu yang memohon dan mengaktifkan kad mereka pada 31 Ogos 2024 akan menerima

ganjaran pulangan tunai RM50 atau 5,000 TruPoints sebagai hadiah. Sekiranya pelanggan meneruskan perbelanjaan sebanyak lima transaksi dalam masa 30 hari, mereka berupaya menikmati tambahan RM50 atau 5,000 TruPoints.

Sebagai tambahan, bagi setiap RM200 yang dibelanjakan, pemegang kad berpeluang memenangi pengembalaan ke Istanbul, termasuk menikmati pengembalaan menaiki belon udara panas yang menyediakan pemandangan mengagumkan dan pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

Untuk maklumat lanjut dan bagi memohon Kad Kredit-i Bank Islam Platinum baharu, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau mana-mana cawangan Bank Islam. Nikmati ganjaran dan faedah yang dipertingkatkan yang bersesuaian dengan gaya hidup dan tabiat perbelanjaan anda melalui Kad Kredit-i Platinum Bank Islam.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.